



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



**SENTUHAN NILAI ADAB DAN AKHLAK YANG TERKANDUNG  
DALAM KARYA PUISI MELAYU**

*THE VALUES OF MANNERS AND 'AKHLAK' CONTAINED IN MALAY POETRY*

Khafizatunnisa' Jaapar<sup>1\*</sup>, Atiratun Nabilah Jamil<sup>2</sup>, Nurhidayah Muhamad Sharifuddin<sup>3</sup>, Fathiah Fathil<sup>4</sup>, Ahmad Bakhtiar Jelani<sup>5</sup>, Ahmad Firdaus Mohd Noor<sup>6</sup> & Abd Nasir Haji Musa<sup>7</sup>

- <sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Email: khafiz920@uitm.edu.my
- <sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Email: atiratun1774@uitm.edu.my
- <sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Email: hidayahsharifuddin@uitm.edu.my
- <sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Email: fathi397@uitm.edu.my
- <sup>5</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400, Tapah Road, Perak, Malaysia  
Email: ahmadbakhtiar@uitm.edu.my
- <sup>6</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Email: firdausnoor@uitm.edu.my
- <sup>7</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Email: abdna208@uitm.edu.my
- \* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 20.10.2023

Revised date: 15.11.2023

Accepted date: 21.12.2023

**Abstrak:**

Kajian ini membincangkan tentang sentuhan nilai-nilai adab dan akhlak yang terkandung dalam karya puisi melayu. Nilai-nilai ini digarap indah dengan menggunakan kaedah metafora atau kiasan langsung serta gabungan unsur alam dan nilai-nilai baik yang menggambarkan budaya masyarakat Melayu. Bentuk-bentuk karya puisi Melayu seperti pantun contohnya merupakan ungkapan nasihat dan panduan yang membentuk jati diri masyarakat pada

Published date: 28.12.2023

**To cite this document:**

Jaapar, K., Jamil, A. N., Sharifuddin, N. M., Fathil, F., Jelani, A. B., Noor, A. F. M., & Haji Musa, A. N. (2023). Sentuhan Nilai Adab dan Akhlak yang Terkandung dalam Karya Puisi Melayu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (52), 588-597.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.852044

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



ketika itu. Sementara peribahasa dan pepatah melayu mengandungi hikmah dan pengalaman lampau berfungsi sebagai suluhan praktikal dalam menghadapi situasi, memperkayakan bahasa di samping mengekalkan nilai-nilai budaya. Terdapat juga karya puisi Melayu yang menitipkan susunan bahasa yang tersirat dan membawakan makna yang halus seperti gurindam. Bentuk puisi seperti gurindam ini selalu digambarkan dalam susunan bahasa yang retorik melalui ungkapan emosi dan perasaan yang mendalam sekaligus memupuk sifat luhur yang sangat tinggi sebagai seorang insan yang berakhlak mulia dan berjiwa hamba. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang memberikan tumpuan kepada memahami secara mendalam fenomena dan makna di sebalik nilai-nilai dan karakter yang terkandung dalam karya puisi Melayu. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, analisis teks untuk mengenal pasti dan menganalisis corak nilai-nilai budaya dalam karya sastera puisi Melayu. Sehubungan itu, hasil kajian ini dapat menggambarkan tentang peranan karya puisi Melayu dalam membentuk nilai dan karakter masyarakat yang unggul. Dengan kata lain, karya puisi Melayu ini menyumbang kepada peradaban yang tinggi dan pedoman terutama buat generasi masa kini yang berdepan dengan cabaran kemodenan dan globalisasi.

**Kata kunci:**

Nilai, Adab, Akhlak, Karya Puisi Melayu

**Abstract:**

This study discusses the exploration of the values of courtesy and morality embedded in Malay poetry. These values are intricately crafted using metaphors or direct expressions, coupled with the fusion of natural elements and positive values that depict the culture of the Malay society. Forms of Malay poetry, such as pantun, for instance, serve as expressions of advice and guidance that shape the identity of the community during that particular period. Meanwhile, Malay proverbs and sayings contain wisdom and past experiences, serving as practical guidance in facing situations, enriching the language, while preserving cultural values. There are also Malay poems that convey implicit language structures and deliver subtle meanings, such as gurindam. Poetic forms like gurindam are often depicted in rhetorical language structures through expressions of deep emotions and feelings, simultaneously fostering noble characteristics and high morality as a virtuous and humble individual. This study employs a qualitative method that focuses on a profound understanding of the phenomena and meanings behind the values and characters present in Malay poetry. Data is collected through observation and text analysis to identify and analyse patterns of cultural values in Malay literary poetry. Consequently, the results of this study can illustrate the role of Malay poetry in shaping the values and character of an outstanding society. In other words, Malay poetry contributes to a high civilization and serves as a guide, especially for the current generation facing challenges of modernity and globalization.

**Keywords:**

Values, Courtesy, Morality, Malay Poetry.

## Pengenalan

Masyarakat Melayu terkenal dengan adat dan budaya yang mencerminkan nilai-nilai baik dan kesantunan. Ini jelas digambarkan dalam banyak aspek kehidupan. Kehidupan masyarakat Melayu pada zaman kesultanan Melayu lama contohnya memperlihatkan kepada kita adab dan akhlak yang sangat ditekankan dalam sosiobudaya mereka. Mereka berpegang teguh pada akidah, mementingkan kejujuran ketika berinteraksi sesama mereka, bersopan dalam melayan tetamu namun tegas pada prinsip dan adat. Malahan, sentuhan nilai adab dan akhlak ini juga diterapkan dalam lisan dan tulisan yang cuba disampaikan kepada orang lain (Norazimah, 2011). Nilai bahasa dalam masyarakat Melayu mempunyai hubungan tiga penjuru, iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam. Maka nilai yang paling utama pastinya berpandukan hubungan antara manusia dengan Tuhan, apa juga yang ditegah oleh Tuhan menjadi perkara yang mesti dielakkan oleh manusia. Sebaliknya apa yang diperintahkan-Nya perlu dilaksanakan sebaik mungkin (Noraini, 2017).

Selain itu, nilai juga boleh dikaitkan dengan nilai budaya sesebuah masyarakat yang boleh difahami sebagai tahap ketinggian budaya sesebuah masyarakat termasuk dari sudut pemikiran, agama, kemasyarakatan, ekonomi dan politik. Orang Melayu juga memandang berat terhadap nilai berbahasa. Bahasa Melayu dengan jelas mencerminkan pemikiran dan corak kehidupan orang Melayu yang kaya dengan pepatah dan pantun. Kedua-duanya dengan jelas menggambarkan perenggu minda orang Melayu (Nirwana & Zulkifley, 2016). Adapun nilai terhadap bahasa menentukan jenis-jenis bahasa seperti bahasa halus, bahasa kesat, bahasa kasar, dan bahasa biadab (Noraini, 2017). Penggunaan bahasa perlu disesuaikan dengan keadaan, suasana serta golongan, dan peringkat yang berbeza (Amat Juhari, 2001). Bagi menegakkan sistem nilai, orang Melayu menekankan beberapa konsep yang diutamakan dalam kehidupan seharian mereka, iaitu konsep malu, harga diri, maruah dan air muka (Wan Abdul Kadir, 2000).

## Permasalahan Kajian

Ironinya ramai yang telah maklum, perbincangan tentang puisi ini sangat banyak namun apa yang cuba disampaikan di sini adalah bagaimana puisi Melayu itu menjadi medium dalam membentuk keperibadian yang tinggi jika dibandingkan dengan bahasa moden dan bahasa 'rojak' yang berlaku pada masa kini. Bahkan, keindahan bahasa telah dicatatkan dengan singkatan-singkatan suku kata yang digabungkan sehingga menghilangkan kosa kata dan maknanya seperti curahan hati menjadi 'curhat' dan media sosial menjadi 'medsos'. Belum lagi dibahaskan tentang bagaimana generasi masa kini menggunakan bahasa-bahasa yang kasar dan tidak berlapik melalui pelbagai medium sosial yang ada sekarang. Apa yang mereka mahukan adalah '*viral* dan *trending*' (Cees, 2013). Hilang sudah segala adab dan akhlak ketika berinteraksi terutama terhadap golongan yang lebih tua. Bila timbul rasa tak puas hati, dengan mudahnya semua itu diungkapkan dan diluahkan tanpa memikirkan kesannya. Justeru, dengan membincangkan Karya Puisi Melayu serta keindahan seninya, penulis berharap agar kerajaan dan institusi berwajib bertindak membudayakan bahasa dengan mengadakan kempen cintai bahasa kita atau mewujudkan platform pendidikan khusus Karya Puisi Melayu agar masyarakat menjivai dan mengaplikasikan nilai adab dan akhlak yang tersirat dari khazanah berharga ini.

## Metodologi Kajian


Memandangkan kajian ini berkisar tentang Bahasa maka data-data yang dikumpulkan adalah melalui pemerhatian, kajian kepustakaan dan analisis teks. Kajian teks banyak bertumpu kepada Buku Kurik Kundi Merah Saga dan Himpunan Koleksi Pantun Melayu. Kaedah ini

digunakan agar pandangan dari pelbagai pihak, bacaan dan teks yang dianalisis itu dapat mengukuhkan kesedaran dan kefahaman tentang corak nilai-nilai budaya dalam Karya Sastera Puisi Melayu. Sehubungan itu, hasil kajian ini dapat menggambarkan tentang peranan Karya Puisi Melayu ini dalam membentuk nilai dan karakter masyarakat yang unggul. Bersamaan dengan itu, ianya menjadi panduan untuk generasi millenium mengaplikasi bahasa yang baik seterusnya membentuk nilai adab dan akhlak yang mulia.

### **Dapatan Kajian**

Tingginya tingkat kebudayaan sesuatu bangsa dapat ditentukan oleh bahasa. Kenyataan ini cukup jelas bahawa sesebuah bahasa itu melambangkan identiti sesuatu bangsa. Pakar sociolinguistik juga menegaskan betapa pentingnya menghubungkan sosial dan budaya sesuatu bangsa untuk mengkaji mana-mana bahasa sekalipun. Ini kerana aspek-aspek dalam penggunaan bahasa seperti unsur-unsur budaya dan agama, larangan tertentu dalam penggunaan bahasa atau taboo, ukuran darjat pendengar-penutur dan aspek sosial lain yang berkaitan dengan penggunaan bahasa akan turut mengawal proses penggunaan bahasa (Zulkifly, 2000). Kenyataan pakar sociolinguistik itu wajar kerana sesetengah ahli bahasa menganggap bahawa norma sosiobudaya yang dimaksudkan sama pentingnya dengan norma linguistik sesebuah bahasa kerana pengetahuan linguistik tidak boleh menjamin seseorang penutur menggunakan bahasa dengan tepat dan betul mengikut norma sosiobudaya yang ditetapkan oleh sesebuah komuniti bahasa (Noriah, 1998). Oleh itu hubungan antara bahasa dan sosiobudaya amat penting.

Bermula dari satu perkataan kepada frasa sehinggalah kepada sebuah teks, makna sesuatu bahasa itu tetap dipengaruhi oleh faktor budaya. Sebagai orang Melayu yang kaya dengan budaya, kita mempunyai seni warisan puisi yang pelbagai. Bukan hanya terdapat pantun dan syair sahaja, terdapat juga puisi yang dikenali sebagai gurindam, nazam, seloka, peribahasa, peribahasa berangkap, bidalan bahasa, talibun dan teromba bahkan qasidah. Semua jenis puisi ini kebanyakannya dirangka dengan metafora yang indah dan euforia yang sangat mendalam serta memberi kesan dalam membina minda dan nilai positif (Mana Sikana, 2005). Namun di sini penulis hanya menekankan perbincangan beberapa jenis puisi melayu sahaja untuk diperbincangkan unsur frasa dan kandungan tersiratnya.



**Rajah 1: Kategori Puisi Melayu**

Rajah di atas menunjukkan Puisi Melayu dan kategorinya sebagai gambaran umum untuk menunjukkan kekayaan dan keindahan Bahasa Melayu. Pantun merupakan gabungan rangkap kata yang mempunyai maksud yang mendalam. Syair pula mempunyai rimanya yang tersendiri. Seloka adalah pantun nasihat. Teromba adalah pantun yang berkait rapat dengan adat. Nazam adalah rangkap panjang kata-kata puitis. Biasanya digunakan ketika menganyam tikar; mereka menyanyi beramai-ramai atau ketika mendodoikan anak. Sementara gurindam adalah rangkaian pantun dan nazam yang digunakan untuk luahan rasa. Terkadang digunakan dalam perbualan antara pasangan suami isteri. Selebihnya, merupakan jenis himpunan dua hingga tiga karya puisi yang diadun menjadi rangkapan bahasa dengan ritma yang tersendiri. Berlainan dengan sajak, ianya merupakan satu-satunya kategori Puisi Moden.

### ***Pantun***

Pantun ialah seni yang telah diiktiraf hampir di seluruh wilayah Nusantara bahkan diangkat nilainya dan diamalkan secara intensif dalam rutin harian pelbagai lapisan masyarakat, baik golongan pembesar mahupun hamba, orang tua mahupun kanak-kanak. Tema pantun dapat diduga kerana fungsinya yang jelas dan berkait rapat dengan kandungan dan konteks. Antara tema yang dominan ialah kasih sayang, nilai sosial, takdir, kehidupan berumah tangga, dunia kanak-kanak dan situasi ketika bekerja (Tenas, 2004). Sehubungan itu, pantun merupakan keunggulan bakat kreatif masyarakat nusantara dalam berkongsi warisan bersama. Pantun telah lama menjadi sebahagian daripada identiti rakyat yang disematkan dengan nilai-nilai estetika, pedoman, iringan muzik dan budaya masyarakat. Tambahan pula, khalayak berpendapat bahawa keajaiban sastera Melayu dapat disingkap melalui ketajaman akal masyarakatnya dalam menenun rangkap pantun dengan benang-benang makna dan ekspresi yang indah. telah meneliti koleksi pantun dan menegaskan bahawa, “*Tiada siapa boleh menganggarkan tahap kecerdikan orang Melayu tanpa memahami pantun...*” (Winstedt dan Wilkinson, 1961). Seorang tokoh ilmuwan juga berpendapat bahawa meskipun sifat pantun yang agak pendek



namun pantun mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Menurutnya, “*Ciri yang paling ketara ialah sifat pantun yang agak pendek, tetapi mampu menjadi medium meluahkan perasaan, menyentuh jiwa, pandangan hidup, pemikiran dan jati diri masyarakat penciptanya.*” (Harun, 1989)

Nilai jati diri dan perilaku adab dan akhlak yang harus dipatuhi telah banyak diterapkan dalam pantun Melayu sejak zaman masyarakat Melayu tradisi (Norazimah, 2017). Antara contoh elemen nilai jati diri yang sering dititikberatkan dalam pantun ialah saling mengenang budi seperti pantun di bawah:

Pisang emas dibawa belayar,  
Masak sebiji di atas peti  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati.

(Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu, 2005)

Konsep budi yang merangkumi komponen kebijaksanaan dan kebaikan telah tersulam erat menjadi norma dalam kehidupan harian masyarakat Melayu. Agama Islam pula menjadi tunjang dan semangat yang menguasai kehidupan orang Melayu. Akal budi mencerminkan pemikiran, perbuatan dan sikap seseorang manusia yang mendukung kebijaksanaan, kehalusan jiwa dan keindahan (Abdullah 2005). Akal budi membolehkan seseorang untuk menimbang tara antara kebenaran dan kebatilan. Dalam melihat ketamadunan sesuatu bangsa, ketinggian akal dan kehalusan budi dianggap sebagai penentu kepada kecemerlangan sesebuah negara. Keseimbangan antara akal dan budi akan melahirkan manusia yang bersifat insan atau berupaya memenuhi tuntutan nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Minda atau akal budi sesuatu bangsa tidak mudah difahami kerana bersifat abstrak. Oleh yang demikian, akal budi ini memerlukan pengantara iaitu bahasa sebagai kaedah paling berkesan bagi menyampaikan minda atau akal budi yang menyerlahkan aspek kekuatan pemikiran bangsa. Wilkinson dan Winstedt berpendapat bahawa bahasa menyerlahkan akal budi sesuatu bangsa (Azhar, 1993).

Selain dari itu, bukan hanya maksud pantun sahaja diketengahkan. Bahkan metafora alam yang digunakan sebagai pembayangnya juga pasti menggambarkan fungsi dan manfaatnya. Pembayang pantun ini sangat berkait rapat dengan maksudnya. Contohnya mengapa kita bawa pisang, bukan nenas atau rambutan. Ini kerana, ianya mengandungi segala nutrient (karbohidrat, mineral dan vitamin) yang diperlukan oleh badan ketika lapar serta mengandungi vitamin B6 yang berguna untuk mengawal rasa mual dan muntah apalagi dalam pelayaran. Bahkan Pisang yang dipilih juga khusus hanyalah Pisang Emas dan bukan jenis pisang lain seperti pisang Nangka atau pisang Abu. Ini kerana pisang lain akan masak setandan tapi pisang emas akan masak sebiji demi sebiji.

Buah cempedak di luar pagar  
Ambilkan galah tolong jolokkan  
Saya budak baru belajar  
Kalau salah tolong tunjukkan

Pucuk pauh delima batu  
Anak Sembilan di tapak tangan  
Walau jauh beribu batu  
Hilang di mata, di hati jangan

(Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu, 2005)

Seterusnya, pengetahuan tentang alam ini adalah bersifat kolektif dan akumulatif. Terkandung di dalamnya adalah perkongsian pengetahuan bersama dan akan diwarisi melalui beberapa generasi alam (Muhammad Haji Salleh, 2006). Pengetahuan masyarakat Melayu tentang alam tumbuhan mengajar dan memberikan pengetahuan tentang kenyataan alam dan kenyataan manusia juga. Semua perkara yang terjadi kepada alam tumbuhan akan dibaca sebagai pengajaran yang boleh dipindahkan maknanya kepada dunia dan nasib manusia. Apabila masyarakat Melayu mula mencipta pantun, maka pengetahuan berkaitan dengan alam tumbuhan akan diadunkan dengan indah bagi menggambarkan pengiktirafan bahawa pentingnya alam sekeliling mereka pada rangkap pantun (Haryati Syafii, 2010). Hal ini jelas menunjukkan bahawa pencipta pantun begitu mengetahui akan alam sekelilingnya dengan meletakkan simbol tumbuhan dalam pantun.

Buktinya kita dapat lihat dari kedua-dua pantun di atas. Elemen metafora alam pasti akan diletakkan sebagai ciri kehalusan pantun. Mengapa buah yang dipilih untuk kali ini adalah buah cempedak. Buah cempedak berdaun rendah dan sangat mudah digapai. Menariknya, pemantun menggunakan elemen buah cempedak kerana terdapat maksud tersirat dari rangkap pantun itu sendiri (Noriza, 2007). Betapa tidak tahunya budak tersebut sehingga meminta galah untuk jolokkan buah cempedak yang dengan mudah boleh dipetik begitu sahaja. Begitu juga halnya dengan pantun kedua. Umum selalu menuturkan anak sembilang sedang perkataan sebenarnya adalah anak sembilan. Tak mungkin generasi dahulu terlalu dungu sehingga membiarkan ikan yang berbisa berada di tapak tangan (Nor Hasyimah, 2014). Maksud sebenar dari rangkap pantun ini ialah dikiaskan bahawa cincin yang dititipkan suami kepada isterinya bersifat seperti “Pucuk pauh delima batu, anak sembilan di tapak tangan”. Batu tengahnya berwarna merah pucuk pauh dan delima, dikelilingi dengan sembilan anak batu permata yang kecil. Diberi kepada isteri, menjadi symbol kesetiaan dalam erti kata akhlak dan adab sebagai suami isteri yang saling berkasih kerana Allah.

### ***Gurindam***

Terdapat beratus jenis gurindam yang terkumpul dalam karya penulisan puisi Melayu namun hanya ada 12 sahaja yang masyhur dan antaranya adalah Gurindam Dua Belas karya Raja Ali Haji (Saifulnajar, 2019) yang menekankan konsep adab dan keagamaan. Karya gurindam yang paling masyhur di Malaysia adalah Gurindam Jiwa (Norhasyimah, 2014). Puisi syair lagu ini ditulis oleh Hamzah Hussein, sasterawan, wartawan serta juga insan seni di belakang tabir di Malaysia. Lagu Gurindam Jiwa yang menjadi tema dalam filem “Sama” ini telah pun menjadi masyhur pada era 60-70-an lagi. Mari kita hayati rangkap puitis dari gurindam ini.

Tuailah padi antara masak  
Esok jangan layu-layuan  
Intai kami antara nampak  
Esok jangan rindu-rinduan

Anak cina pasang lukah  
Lukah dipasang di Tanjung Jati  
Di dalam hati tidak ku lupa  
Sebagai rambut bersimpul mati

Batang selasih permainan budak  
Daun selasih dimakan kuda  
Bercerai kasih talak tiada  
Seribu tahun kembali juga

Burung merpati terbang seribu  
Hinggap seekor di tengah laman  
Hendak mati di hujung kuku  
Hendak berkubur di tapak tangan

Kalau tuan mudik ke hulu  
Carikan saya bunga kemboja  
Kalau tuan mati dahulu  
Nantikan saya di pintu syurga

Penulis terpanggil untuk cuba mengulas erti tersirat dari bahasa gurindam jiwa ini. Ianya menggambarkan perbincangan antara suami isteri yang mungkin akan berpisah sementara kerana pelayaran yang dilakukan oleh suami atas dasar mencari rezeki. Sehingga kepada rangkap,

Burung Merpati terbang seribu  
Hinggap seekor di tengah laman  
Hendak mati di hujung kuku  
Hendak berkubur di tapak tangan

Si isteri merasa risau jika si suami berubah hati apabila berada jauh darinya. Suami mungkin akan berjumpa dengan ramai wanita, dibimbangi akan jatuh hati pada salah satu dari wanita yang ditemui di sana. Suami menegaskan hanya isterinya tempat untuk dia pulang. Isteri solehah yang didamba sebagai penyejuk mata dan bersama dalam mencari redha Ilahi dan sentiasa ada dalam doanya. (Wan Abdul Kadir, 2000).

### ***Peribahasa***

Seperti perundangan adat istiadat, terdapat juga peribahasa yang digunakan dalam pantun di mana ianya melibatkan perbendaharaan nilai dan norma sosial yang murni dan meliputi aspek yang lebih luas berbanding dengan pantun biasa. Pada dasarnya, peribahasa dikenali dengan hanya satu baris kata yang menyempurnakan lagi dan menambah baik makna sesebuah peribahasa. Lazimnya, pantun peribahasa memiliki kosa kata yang berkualiti di samping pembayangnya yang sangat imaginatif. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Johari (2015) bahawa pembayang pantun peribahasa menjurus kepada maksud yang tersembunyi apabila melihatnya dengan mata hati seperti pantun peribahasa di bawah ini.

Bunga mawar mekar berkembang  
Bunga melati jauh terasing  
Bagai enau dalam belukar  
Melepaskan pucuk masing-masing

Bunga Melati yang menjadi terasing kerana kembangnya Bunga Mawar sama keadaannya dengan pokok enau dalam belukar. Asal-usul bagi peribahasa ini ialah enau adalah sejenis pokok yang biasanya tumbuh dalam belukar dan di kampung-kampung yang semak. Pokok enau tidak subur jika hidup di tengah padang. Oleh sebab pokok ini tumbuh dalam belukar



yang penuh dengan semak-samun, biasanya pucuk enau ini akan melepaskan dirinya daripada dahan-dahan dan daun-daun kayu yang mengelilinginya (Abdullah, 2005). Jika dipandang dari jauh, akan kelihatan beberapa batang enau ini yang berpucuk dan melepaskan dirinya dari semak-samun yang mengelilinginya. Maka, dari situlah kita lihat gambaran sifat flora ini disamakan dengan setengah orang yang bersifat pentingkan diri sendiri.

Daun sirih jangan dikait  
Kalau dikait mematah layu  
Telunjuk lurus kelingking berkait  
Itu pepatah orang Melayu

Begitu juga peribahasa “telunjuk lurus kelingking berkait” yang membawa maksud perihal orang yang luarannya nampak baik namun dalam hatinya terpendam sifat jahat (Abdullah, 2005). Sama keadaannya daun sirih yang tidak boleh dikait kerana sifatnya yang sensitif maka begitu jua orang yang tiada sifat sabar dan pemaarah amat mudah berdendam walaupun kadang suatu nasihat adalah untuk kebaikan apatah lagi nasihat yang diberi adalah secara halus dan berhikmah. Ringkasnya, peribahasa yang termaktub dalam dua baris terakhir yang menjunjung nilai budi bahasa, adab dan akhlak sebenarnya telah berabad lamanya ditemui sebelum digubah membentuk pantun. Peribahasa tersebut didahului dengan sepasang pembayang yang bersesuaian bagi melengkapkan maknanya (Johari, 2015).

### **Kesimpulan**

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan serta perbincangan kajian tentang sentuhan nilai adab dan akhlak yang terkandung dalam Karya Puisi Melayu. Hasil kajian teks dan pemerhatian, pantun dan gurindam serta pelbagai lagi jenis puisi Melayu ini dapat menggarap perilaku yang baik dan memupuk keindahan budi yang dapat menjadi model panduan buat generasi masa kini (umumnya) yang ketandusan nilai kesopanan dan nilai akhlak. Justeru, segala usaha dalam memartabatkan Karya Puisi Melayu ini haruslah diraikan dan disokong sepenuhnya demi membentuk nilai peradaban dan akhlak yang unggul.

### **Penghargaan**

Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan serta jutaan terima kasih kepada pihak Global Academic Excellence M Sdn Bhd serta kepada semua yang telah terlibat serta memberi sokongan dan galakan dalam menghasilkan dan menerbitkan artikel ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

### **Rujukan**

- \_\_\_\_\_. (2005). Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Halim Ali, Norazimah Zakaria & Ariff Mohamad. (2017). Gambaran Budaya Masyarakat Brunei dalam Kumpulan Puisi Diam-diam Karya K. Manis. *Jurnal Melayu*,16(2), 45-60.
- Abdullah Hussain. (2005). *Simpulan Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. (1985). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu*. Suatu Analisis Sosiolinguistik. [Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya].
- Azhar M. Simin. (1993). *Sintaksis Wacana ‘yang’ dalam Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamelink, C. J. (2013). *Global Communication*. SAGE Publications. Universty of Amsterdam.

- Harun Mat Piah. (1989). Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Gender dan Fungsi. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Haryati Shafii. (2010). "Kelestarian Alam Dalam Seni Budaya Melayu: Pantun Sebagai Bayangan Falsafah Alam" dlm. Seminar Sebahtera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Johari Yahaya. (2015). Pantun peribahasa Melayu: Analisis daripada perspektif teori pengkaedahan Melayu. [Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Sains Malaysia]. E-prints USM. [http://eprints.usm.my/30138/1/JOHARI\\_YAHYA.pdf](http://eprints.usm.my/30138/1/JOHARI_YAHYA.pdf)
- Mana Sikana. (2005). Teori dan Kritikan Sastra Malaysia. Pustaka Karya.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). "Dalam Daun Ada Bicara: Falsafah Alam Pantun Melayu" dlm. Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias. Pandangan Alam Semesta Melayu Pantun. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 87-99.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Semantik dan Akal Budi Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2015). Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 19.
- Noraini Mohamad. 2017. Abham T.R. dan Sumbangannya dalam Puisi dan Sajak Islamik. Kertas kerja, Prosiding Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara ke-2. Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, November.
- Norazimah Zakaria. (2011). Kajian Teks Hikayat Melayu Versi Tengku Said. [Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya].
- Noriah Mohamed. (1998). Sociolinguistik Bahasa Melayu. Penerbit USM.
- Noriza Daud. (2007). Unsur Metafora Dalam Pantun: Suatu Pendekatan Semiotik. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18.
- Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Metafora KASIH Dalam Teks Melayu Tradisional: Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Linguistik*, 17 (1), 19-28.
- Saifunajar. (2019). Gurindam Dua Belas Raja Ali Haji. Lembaga Penelitian dan Pengabdian Masyarakat (LPPM) STAI Diniyah Pekanbaru, Indonesia.
- Tenas Effendy. (2004). Tunjuk Ajar dalam Pantun Melayu. Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu
- Wan Abdul Kadir. (1998). Tradisi Budaya Melayu Berteraskan Islam. *Jurnal Pengajian Melayu*, 8, 82-97
- Wan Abdul Kadir. (2000). Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-Orang Melayu. Masfami Enterprise.
- Winstedt & Wilkinson. (1961). Pantun Melayu. (Disunting oleh R.J Wilkinson dan R.) Winstedt. Malaya Publication House.
- Zulkifly Hamid. (2000). Bahasa; Konsep, Fungsi dan Penguasaannya oleh Penutur. Dewan Bahasa dan Pustaka.